

Tingkatkan pendapatan tumpuan utama

11M 2 1 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Empat Strategi Bajet 2003 yang dibentangkan kali ini terarah untuk meningkatkan pendapatan setiap individu rakyat Malaysia di samping mesra perniagaan dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, kerajaan akan terus memberikan pelbagai insentif untuk menggalakkan pelaburan termasuk pemberian pengurangan cukai korporat serta meringankan beban cukai terhadap pelabur asing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat hari ini berkata, Kerajaan akan terus menumpukan kepada pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai usaha memperluaskan lagi rantaian dalam semua sektor.

Untuk itu, katanya, cukai korporat bagi IKS dengan modal berbayar RM2.5 juta ringgit ke bawah, dikurangkan daripada 28 peratus kepada 20 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga 100 ribu ringgit.

“Kerajaan akan kehilangan hasil dianggarkan sebanyak 270 juta ringgit

kai bagi syarikat, kerajaan mencadangkan tempoh galakan ini dilanjutkan selama 3 tahun lagi sehingga 31 Disember 2005.

Katanya, bagi menggalakkan syarikat melabur dalam peralatan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri, kerajaan bercadang supaya tempoh menghapus kira perbelanjaan modal ke atas peralatan penjimatan tenaga dipercepatkan daripada 3 tahun kepada 1 tahun.

Bagi pendapatan yang diterima untuk perkhidmatan yang disediakan oleh kontraktor bukan pemastautin yang sebelum ini dikenakan cukai pendahuluan sebanyak 15 peratus ke atas syarikat dan 5 peratus ke atas pekerja, kerajaan mencadangkan supaya ianya dikurangkan kepada 10 peratus dan 3 peratus.

Bagi menggalakkan pencetakan buku menggunakan kertas berkualiti, kerajaan akan menghapuskan duti import dan cukai jualan ke atas kertas tersebut

Katanya, di samping itu, untuk mengurangkan kos kiriman cepat ke luar negara, cukai perkhidmatannya dikecualikan.

melalui strategi ini,” katanya.

Beliau berkata, bagi meningkatkan penyertaan pelabur tempatan dalam industri berteknologi tinggi serta mampu menembusi dan menguasai pasaran eksport dengan cepat, kos bagi pengambilalihan syarikat asing di luar negara oleh syarikat milik tempatan diberi elaun tahunan 20 peratus selama 5 tahun.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata, untuk mengurangkan kos pengendalian perniagaan kerajaan terus berusaha membantu syarikat-syarikat untuk mengurangkan kos pengendalian perniagaan.

Katanya, untuk itu, bayaran perkhidmatan pengendalian perniagaan tidak dikenakan cukai pendapatan.

Di samping itu, cukai yang tidak dapat dipungut ini dianggap sebagai hutang lapuk dan layak untuk mendapat pulang balik cukai.

Untuk mengelakkan barangan buatan tempatan dibebankan dengan cukai yang lebih tinggi, kerajaan mencadangkan supaya ianya diseragamkan dengan kaedah penilaian barangan import, iaitu berdasarkan nilai transaksi sebenar.

Dr. Mahathir berkata, untuk menggalakkan taraf perintis dan elaun cu-

Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga akan menghapuskan cukai ke atas perkhidmatan profesional yang diberi kepada syarikat dalam kumpulan yang sama.

Pengecualian

Bagi perkhidmatan ekspres kargo udara di KLIA, penghapusan duti import dan cukai dinaikkan kepada 500 ringgit dan diperlukan kesemua lapangan terbang antarabangsa di Malaysia. Pengecualian ini tidak meliputi barangan rokok dan minuman keras.

Katanya, Kerajaan juga akan memberi segala bantuan kepada mereka yang ingin mempamerkan barangan mereka di pusat-pusat pameran dan di pameran dagang di negara asing.

Untuk itu, syarikat milik tempatan yang berjaya mencatatkan pertambahan eksport diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 30 peratus ke atas peningkatan eksport.

Di samping itu, mereka yang menembusi pasaran baru diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50 peratus.

“Bagi syarikat-syarikat yang mencatat peningkatan eksport tertinggi mengikut kategori diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya,” katanya.